

# Perarakan berjubah UMS, penghormatan kepada DBKK

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**K**EWUJUDAN Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai institusi pendidikan berperanan untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat serta merealisasikan hasrat pembangunan pendidikan negara agar tercapai khususnya di negeri Sabah ini.

Seperti tahun-tahun yang sudah, bagi merayakan para graduan UMS yang berjaya menerima ijazah masing-masing, satu majlis perarakan berjubah pasti diadakan di kawasan bandaraya.

Perarakan berkenaan sebenarnya melambangkan bandaraya turut sama merayakan konvokesyen UMS, sekaligus mempromosikannya sebagai gedung ilmu yang mampu melahirkan graduan berprestasi untuk negara.

Menurut Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Datuk Ilyas Ibrahim, selain memberi penghormatan kepada DBKK sebagai pusat tadbir negeri, majlis itu juga memperakui, memperkenan dan memberi pengiktirafan kepada graduan sebagai warga kota.

Perarakan berjubah 'Town and Gown' yang lengkap, kemas berjubah, segar bergaya dan bersemangat mencerminkan bahawa bandaraya ini turut memainkan peranan sebagai pusat kecemerlangan ilmu, sekaligus menjadi pendorong semangat kepada generasi akan datang berusaha dengan lebih gigih untuk sampai ke menara gading.

Majlis kali ke-4 itu juga dilihat dapat merapatkan hubungan erat yang sememang sudah terjalin antara warga UMS dengan masyarakat bandaraya selain menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negeri.

Pada majlis yang penuh warna-warni itu, Ilyas berkesempatan menandatangani skrol pernyataan dan penyerahan 'Kunci Bandaraya' kepada 65 graduan yang mewakili setiap program pengajian di UMS sebagai penduduk bandaraya ini sepanjang pengajian mereka.

Dengan bertemakan 'Ilmu Tunggal Pembangunan Masyarakat', Ilyas menjelaskan, era kini menyaksikan bidang pendidikan memerlukan masyarakat

“Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-sembilan di negara ini, UMS yang berkonsepkan '1 Malaysia, UMS Kampus Ceria', ia berperanan sebagai landasan untuk membentuk dan mengeluarkan graduan yang berkualiti dan bernilai tinggi bagi menjana kegemilangan agama, bangsa dan negara. UMS sentiasa bertekad menjadi sebuah institusi yang memfokuskan kepada kecemerlangan dalam bidang akademik yang melibatkan pengajaran dan juga pembelajaran. Dalam masa yang sama, turut menitikberatkan kualiti dalam bidang penyelidikan, pentadbiran dan perkhidmatannya.”

**BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HAJI AMPON**  
Naib Canselor UMS



**TROPIKA...Beginilah pemandangan Bandaraya Kota Kinabalu iaitu bandaraya tropika yang mampu menggamit pengunjung yang tiba.**

mempersiapkan dan memperlengkapkan diri dengan penuh ketabahan.

“Kita maklum pendidikan merupakan aset penting yang harus ada di kalangan generasi akan datang. Justeru, sewajarnya mereka perlu disajikan dengan pembelajaran yang lebih kondusif, sistematik demi mengharungi masa depan,” katanya.

Tambahnya, cabaran getir dari era ledakan globalisasi, liberalisasi ekonomi dan memerlukan tuntutan yang semakin wajar dan tinggi ke atas penawaran perkhidmatan yang pelbagai membuatkan setiap insan perlu berdaya saing agar tidak ketinggalan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon berkata, mendidik dan melahirkan modal insan yang profesional, berilmu dan berdaya saing merupakan peranan utama UMS dalam memastikan peningkatan jumlah pelajar pada setiap tahun yang mana ia membuktikan UMS komited dalam menghasilkan modal insan yang berilmu dan berketrampilan.

“Sebagai Institusi Pengajian Tinggi



**CERIA...Antara graduan yang mewakili setiap program bagi menyertai majlis perarakan berjubah.**

Awam (IPTA) ke-sembilan di negara ini, UMS yang berkonsepkan '1 Malaysia, UMS Kampus Ceria', ia berperanan sebagai landasan untuk membentuk dan mengeluarkan graduan yang berkualiti dan bernilai tinggi bagi menjana kegemilangan agama, bangsa dan negara.

“UMS sentiasa bertekad menjadi sebuah institusi yang memfokuskan kepada kecemerlangan dalam bidang akademik yang melibatkan pengajaran dan juga pembelajaran. Dalam masa yang sama, turut menitikberatkan kualiti dalam bidang penyelidikan, pentadbiran dan perkhidmatannya,” katanya.

Sehingga kini UMS telah menghasilkan seramai 30,231 graduan berbanding pada

tahun akademik 1995/96 ketika UMS memulakan sesi pengajian akademiknya dengan hanya mempunyai 205 orang pelajar sulung ketika itu.

Kini UMS telah berkembang dengan pesatnya, dari segi perkembangan akademik mahupun perkembangan fizikalnya dan UMS adalah satu-satunya universiti di negara ini yang dapat membangunkan serentak aspek akademik dan pembangunan fizikalnya.

Selain berfungsi melahirkan pelajar semangat jatidiri, berdayasaing dan berprestasi dalam semua lapangan, kewujudannya juga untuk memberi inspirasi dan menerap nilai-nilai kecemerlangan demi manfaat intelektual dalam bidang pendidikan negara ke arah memantapkan kerohanian dan kendiri generasi masa



**MERCU...Menara jam yang terletak di tengah-tengah kawasan bandaraya merupakan lambang mercu bandaraya.**



**TANDATANGAN...Ilyas (kiri) bersama Kamaruzaman ketika menandatangani skrol pernyataan pada majlis itu.**



**SEGAK...Beberapa pegawai utama UMS yang menyertai perarakan berkenaan.**

depan. Sejar dengan slogan UMS Kampus Ceria, sentiasa 'bertekad cemerlang' dengan menonjolkan keazaman,

keutuhan dan semangat universiti sebagai sebuah institusi keilmuan yang megah berdiri sebagai

Kota Ilmu di Bandaraya Kota Kinabalu ini.

